

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM ALI  
Tajuk : MAJLIS PERLANTIKAN PENERUSI JAWATANKUASA OPERASI PELAN  
KONTINGENSI Y2K PERINGKAT NEGERI  
Lokasi : SHERATON SUBANG, SELANGOR  
Tarikh : 21-10-1999

Y.Bhg. Datuk Nuraizah binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Merangkap Pengarah Operasi Pelan Kontingensi Y2K Negara.

Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri Y.Bhg. Dato'-Dato',

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia kerana sudi menjemput saya pada hari ini untuk merasmikan Majlis Perlantikan Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Operasi Pelan Kontingensi Y2K, Peringkat Negeri. Saya juga ingin mengucapkan tahniah atas tindakan Kementerian ini dalam menyiapkan Pelan Kontingensi Y2K Negara dan menubuhkan Jawatankuasa Operasi Pelan Kontingensi Y2K, Peringkat Negara serta perlantikan ahli-ahli pada 21 September yang lepas yang mana saya juga merupakan salah seorang daripada ahlinya.

Para hadirin sekalian,

2. Isu Y2K atau pepijat alaf 2000, merupakan satu kemungkinan berlakunya gangguan terhadap urusan harian yang bergantung kepada sistem komputer. Kemungkinan ini wujud di dalam sektor awam dan swasta, bukan sahaja di negara kita bahkan juga seluruh dunia. Malah ia mungkin boleh melumpuhkan operasi perniagaan serta pengurusan dan yang paling menakutkan kemungkinan berlakunya bencana di saat bertukarnya tarikh ke 1 Januari tahun 2000. Sewajarnya isu ini diberikan perhatian yang khusus agar tidak menjadi masalah besar yang boleh menggugat kesejahteraan negara kita.

3. Tambah lagi negara kita kini baru sahaja pulih dari kegawatan ekonomi yang melanda seluruh rantau Asia Pasifik sejak tahun 1997 lagi. Untuk memastikan pemulihan ini dapat berterusan, sebarang gangguan yang berpotensi melambatkan usaha-usaha pemulihan perlulah diatasi lebih awal. Isu Y2K, yang mempunyai kesan meluas terhadap perniagaan dan ekonomi, jika tidak ditangani dengan bersungguh-sungguh, berupaya mengancam kedudukan ekonomi negara kita. Malah kegagalan Malaysia menangani isu Y2K ini dengan jayanya akan mengancam dan menjejaskan pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan akan meletakkan Malaysia di belakang negara-negara yang mempunyai rancangan yang sama.

4. Usaha-usaha menangani Y2K sebenarnya bukan berakhir setakat membetul atau menggantikan sistem dan pelaksanaan yang terbabit. Cabaran yang lebih besar yang dihadapi kini ialah meyakinkan orang ramai terutamanya masyarakat perdagangan antarabangsa bahawa Malaysia merupakan destinasi pelaburan yang selamat kerana Malaysia memberi komitmen yang tinggi dalam menentukan "business as usual come 1.1.2000".

Para hadirin yang saya hormati,

5. Rakyat meletakkan harapan yang tinggi kepada Kerajaan bagi menyelesaikan semua masalah berbangkit daripada isu Y2K ini. Tambahan pula dengan kecenderongan media antarabangsa dalam mencari dan menonjol pihak Kerajaan sebagai pihak yang bertanggungjawab atas sesuatu kegagalan, isu Y2K ini mempunyai ancaman jangka pendek dan jangka panjang terhadap reputasi dan imej negara kita. Diperhatikan bahawa walaupun kita telah mengambil semua tindakan yang perlu, liputan yang diberikan oleh sesetengah media luar negara masih lagi tidak memuaskan. Liputan negatif yang diberikan oleh media antarabangsa ini akan memberikan kesan terhadap kemasukan pelaburan asing ke

negara ini. Akibatnya ekonomi negara kita boleh terjejas.

6. Sebagaimana yang telah dimaklumkan kepada jemaah Menteri di dalam mesyuarat pada awal bulan ini, status kesediaan sektor-sektor kritikal yang terlibat dengan isu Y2K kini telah berada pada tahap yang maju iaitu melebihi 90%. Saya yakin, menjelang tahun 2000 ini kesemua sektor kritikal akan bersedia 100% untuk menghadapi Y2K. Situasi ini memberikan keyakinan kepada Kerajaan dan juga pihak industri bahawa Y2K tidak akan menimbulkan masalah yang besar di Malaysia dengan urusan hariannya akan berjalan seperti biasa ketika negara melangkah ke tahun 2000 nanti. Dengan demikian, penekanan harus diberi terhadap penyebaran maklumat ini kepada orang awam dan masyarakat antarabangsa supaya segala langkah yang telah diambil untuk mengatasi Y2K diberi liputan yang tepat. Y.B. Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang berhadapan dengan rakyat di peringkat grassroot perlulah menyampaikan maklumat ini kepada orang awam bagi mengelakkan mereka rasa cemas, mendengar khabar-khabar angin atau mendapat maklumat yang tidak berasas.

Y.B. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Malaysia memberi perhatian yang serius kepada isu Y2K dengan mempertanggungjawabkan usaha-usaha mengatasinya kepada seorang Menteri Kabinet serta menggembelikan sumber dan kepakaran daripada sektor swasta dan awam dan penyediaan kewangan berjumlah ratusan juta ringgit. Oleh itu, sektor awam dan swasta mestilah berganding bahu dalam usaha menangani isu Y2K.

Sektor awam terutamanya jentera pentadbiran di negeri-negeri dan daerah yang bertanggungjawab secara terus terhadap pembangunan tanah dan penguatkuasaan undang-undang yang mempunyai implikasi kepada pembangunan sosio ekonomi rakyat, perlulah menentukan jentera pentadbiran ini terus berfungsi, bukan sahaja pada tahap yang sedia ada sekarang ini tetapi pada tahap yang lebih tinggi untuk terus menggerakkan ekonomi. Justeru itu, jentera Kerajaan Negeri perlulah bersama dengan sektor Kerajaan yang lain dalam menentukan negara dalam keadaan 'sedia' Y2K. Dalam hal ini, Y.B. Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan, sebagai orang yang menerajui pentadbiran negeri mestilah menunjukkan tahap kepimpinan yang tinggi dan bertindak secara hands on, supaya jentera Kerajaan dapat berjalan dengan lancar tanpa gangguan Y2K.

8. Walaupun tindakan dan langkah-langkah perlu untuk mengatasi isu Y2K ini telah diambil, tiada jaminan yang boleh diberikan bahawa tidak akan berlakunya sebarang gangguan semasa melangkah ke alaf baru nanti. Oleh itu, sebagai langkah untuk meyakinkan lagi orang ramai, Kerajaan telah memutuskan satu Pelan Kontingensi Y2K Negara perlulah disediakan bagi meminimumkan gangguan Y2K, seandainya terjadi.

9. Pelan Kontingensi Y2K Negara kini sedang dalam proses pelaksanaan dan kejayaan Pelan ini sebenarnya bergantung besar kepada penglibatan pihak Kerajaan di peringkat Negara dan Daerah. Untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terjamin di samping mengurangkan gangguan urusan harian akibat dari Y2K, Pelan Kontingensi ini telah menggunakan mekanisme dan struktur yang sedia ada, di samping sokongan yang diperlukan daripada pelan-pelan kontingensi sektor-sektor kritikal. Mekanisme dan struktur Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang sedia ada digunakan sepenuhnya, yang melibatkan peringkat Negara, semua Negeri termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan dan semua Daerah. Dengan demikian, kerjasama dan hubungan yang baik antara ketiga-tiga peringkat Negara, negeri dan Daerah ini adalah asas penting kepada kejayaan pelaksanaan Pelan Kontingensi Y2K Negara.

Y.B. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Semua Pengerusi jawatankuasa Operasi Pelan Kontingensi Y2K, Peringkat Negeri dan Peringkat Daerah dikehendaki melengkapkan Pusat Operasi Y2K di negeri dan daerah masing-masing untuk beroperasi sepenuhnya bermula pada 15 Disember 1999. Satu drill secara meluas yang melibatkan Pusat Operasi peringkat negara, semua negeri dan daerah serta sektor-sektor kritikal telahpun dirancang bagi melatih petugas-petugas bersiap sedia serta berada dalam keadaan tenang walaupun menghadapi sebarang situasi krisis.

11. Kehadiran Y.B. Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan- puan yang terlibat secara langsung dan memainkan peranan utama di peringkat negeri pagi ini menunjukkan kesedaran dan komitmen tinggi untuk memastikan kelancaran pelaksanaan Pelan Kontingensi Y2K Negara ini. Tanggungjawab yang diamanahkan ini perlulah dijalankan dengan bersungguh-sungguh, kerana kejayaan Malaysia mengatasi isu Y2K ini juga bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh Y.B. Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan.

12. Akhir kata, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia kerana menganjurkan Majlis pada pagi ini. Dengan ucapan Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Perlantikan Pengerusi Jawatankuasa Operasi Pelan Kontingensi Y2K, Peringkat Negeri.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.